

## **Pengajian Komunikasi Dalam Anjakan Radikal Transformasi Dunia dan Era Globalisasi**

*Oleh:*

**Dr Ahmad Redzuan Abd. Rahman**

*Prof. Madya dan Pengarah*

**Kampus Perlis**

**Universiti Teknologi MARA**

*dan*

**Hjh Amelia Abdul Aziz**

*Prof. Madya*

**Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media**

**Universiti Teknologi MARA**

### ***Abstrak***

*Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media mengusahakan satu kajian untuk melihat hala tuju program komunikasi di IPTA Malaysia. Pertemuan para ahli akademik dari semua IPTA Malaysia dan wakil industri media dari sektor swasta dan awam dalam dua dialog di Shah Alam telah diadakan pada bulan Februari dan Jun, 2001. Data berasaskan kedua-dua dialog tersebut telah dirakamkan secara sistematik dan diproses. Hasil penemuan kajian ini telah memperakukan kepentingan pengajian komunikasi di negara ini untuk melahirkan tenaga kerja yang berdaya saing sehingga ke peringkat global selaras dengan perubahan sosial dunia dan era globalisasi.*

*Dengan menggunakan Teori Humanistik, Liberal, Mekanikal/Teknikal serta Radikal/Sosial, pengkaji memperolehi satu hasil pertemuan iaitu, satu konsolidasi secara sepakat yang meliputi empat kuadran, untuk melihat Pengajian Komunikasi Dalam Anjakan Radikal Transformasi Dunia dan Era Globalisasi. Antara elemen yang termasuk dalam empat kuadran tersebut adalah: Pengajian Komunikasi, Rangka Kurikulum, Penyelidikan dan Penerbitan, dan Graduan, Industri dan Masyarakat.*

*Dengan menggunakan Teori Humanistik, Liberal, Mekanikal/Teknikal serta Radikal/Sosial, pengkaji memperolehi satu hasil pertemuan iaitu, satu konsolidasi secara sepakat yang meliputi empat kuadran, untuk melihat Pengajian Komunikasi Dalam Anjakan Radikal Transformasi Dunia dan Era Globalisasi. Antara elemen yang*

*termasuk dalam empat kuadran tersebut adalah: Pengajian Komunikasi, Rangka Kurikulum, Penyelidikan dan Penerbitan, dan Graduan, Industri dan Masyarakat.*

## **Pengenalan**

Pengajian komunikasi di institusi-institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Malaysia diperkenalkan melalui pelbagai sekolah, fakulti dan jabatan. Ini menggambarkan ruang lingkup bidang ini yang amat luas dan mencakupi pelbagai bidang (trans disciplinary) setanding dengan bidang-bidang profesional lain seperti kejuruteraan, perakaunan, perubatan dan undang-undang.

Di Malaysia, tiada badan profesional yang mengendalikan pengiktirafan dan penilaian bagi pengajian di dalam bidang komunikasi. Oleh itu, perkembangan pengajian di dalam bidang ini berkembang dengan sendiri mengikut citarasa institusi-institusi yang terlibat dengan kawalan oleh Kementerian Pendidikan.

Justeru itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah meminta Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA menyelaraskan satu kajian bagi mengenal pasti hala tuju pengajian komunikasi dalam era globalisasi ini. Berdasarkan permintaan itu, kajian tersebut telah dijalankan untuk menghasil rumusan yang dapat memberi gambaran dan panduan kepada Kementerian Pendidikan supaya memahami hala tuju pengajian di dalam disiplin ini.

## **Latarbelakang Kajian**

Kajian ini meninjau pendapat pelbagai pihak yang terlibat secara langsung dan langsung dengan situasi masa kini dan keperluan pengajian komunikasi pada masa hadapan. Oleh itu, pengumpulan maklumat mengenai sejarah, organisasi, kekuatan, pelajar, graduan, dan perancangan IPTA yang menawarkan program komunikasi di negara ini dilakukan menerusi kajian tersebut

Kajian ini juga turut mengumpulkan cadangan-cadangan dari sesi perbincangan antara pihak industri, pengamal-pengamal komunikasi, dan juga ahli-ahli akademik dipertingkatkan oleh Kementerian Pendidikan dalam rangka untuk merealisasikan.

Dalam mengupas hala tuju program komunikasi IPTA pihak universiti sedar bahawa pentakrifan dan pemetaan semula rangka kurikulum harus dilakukan.

## **Objektif Kajian**

Matlamat utama kajian ini adalah untuk melihat dan menganalisa pada keseluruhannya hala tuju program komunikasi IPTA di Malaysia selaras dengan transformasi dunia dan era globalisasi. Untuk mencapai matlamat ini, beberapa objektif telah dirangka dalam usaha menyempurnakan penyelidikan. Antara objektif-objektifnya ialah:

- i. Mengenalpasti faktor-faktor yang menyumbang kepada Pengajian Komunikasi berasaskan kejayaan / ekspresi / kemajuan / pembaharuan (celebration /expression/ improvement / renewal).
- ii. Mencadangkan kedudukan Rangka Kurikulum dalam era ICT dan paradigma baru dari segi amalan/perlaksanaan (practical application).
- iii. Mengenalpasti keperluan program komunikasi sebagai disiplin untuk memperluaskan ruang lingkupnya meliputi bidang-bidang lain supaya dapat menghasilkan Graduan yang boleh berkhidmat dalam Industri dan menyumbang kepada Masyarakat dan pendekatan ini berkait rapat dengan Perhubungan Manusia(People Connection).
- iv. Mengariskan peranan pengajian komunikasi dalam anjakan radikal transformasi dunia yang berhubung dengan Penyelidikan dan Penerbitan dan tujuannya adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan pemahaman(Understanding/knowledge).

### **Persoalan yang diKupas Dalam Kajian**

Persoalan penyelidikan ini dinyatakan secara formal dengan tujuan untuk memberi petunjuk mengenai kajian yang diusahakan. Berikut merupakan persoalan kajian bagi menerangkan perkara yang diselidiki:

- i. Apakah faktor-faktor yang menjurus kepada penubuhan pengajian komunikasi?
- ii. Apakah perbezaan yang wujud dalam pemetaan struktur dan korpus pengajian komunikasi IPTA.
- iii. Adakah perlu penyusunan semula struktur kurikulum semasa pengajian komunikasi?
- iv. Apakah realiti terkini lapangan penyelidikan dan penerbitan dalam bidang komunikasi?
- v. Apakah pengajian komunikasi perlu diperluaskan sebagai satu disiplin utama sains sosial ?
- vi. Adakah pengajian komunikasi perlu meluaskan ruang lingkupnya kepada bidang-bidang lain?
- vii. Di manakah kedudukan dan hala tuju pengajian komunikasi dalam era K-ekonomi, liberalisasi, Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT), paradigma baru dan lain-lain lagi?
- viii. Apakah peranan pengajian komunikasi dalam era globalisasi?
- ix. Apakah mekanisme kerjasama yang wujud di antara universiti dan industri?
- x. Adakah kriteria para graduan yang dilahirkan memenuhi piawai keprofesionalan terutamanya kemahiran, kepimpinan, kreativiti, dan keilmuan?

## Sejarah Penubuhan Program Komunikasi di IPTA Malaysia

Penubuhan program, jabatan dan fakulti serta pemetaan program-program komunikasi adalah mengikut keperluan universiti-universiti awam di Malaysia. Jadual 1 menunjukkan tahun dan tahap penubuhan program-program komunikasi di semua IPTA di Malaysia:

**JADUAL 1** PENUBUHAN PROGRAM KOMUNIKASI DALAM UNIVERSITI AWAM DI MALAYSIA

BIL	UNIVERSITI	KAJIAN / FAKULTI	TAHUN PENUBUHAN
1.	Institut Teknologi MARA	Kajian Sebaran Am	1972
2.	Universiti Kebangsaan Malaysia	Jabatan Komunikasi (Fakulti Sastera)	1975
3.	Universiti Malaya	Jabatan Pengajian Melayu (Fakulti Sastera)	1976
4.	Universiti Putra Malaysia	Jabatan Komunikasi (Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan)	1979
5.	Universiti Sains Malaysia	Pengajian Komunikasi	1984
6.	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	Jabatan Ilmu Komunikasi (Kulliyah Pengetahuan Berteraskan Wahyu dan Sains Sosial)	1990
7.	Universiti Malaysia Sarawak	Program Pengajian Komunikasi (Fakulti Sains Sosial)	1993
8.	Universiti Malaysia Sabah	Program Komunikasi (Sekolah Sains Sosial)	1994
9.	Universiti Utara Malaysia	Program Komunikasi (Sekolah Pembangunan Sosial)	1999

Beraskan Jadual 1, Universiti Utara Malaysia pula merupakan universiti yang terbaru menawarkan Program Komunikasi iaitu pada tahun 1999 di bawah Sekolah Pembangunan Sosial.

## Fakulti dan Jabatan Komunikasi di IPTA

Setiap program komunikasi di universiti-universiti berbeza dan mempunyai nama yang mencerminkan identiti, pendekatan dan penekanan masing-masing. Universiti Teknologi MARA dan Universiti Sains Malaysia merupakan dua universiti di mana program komunikasinya ditadbir di bawah fakulti atau sekolah tersendiri. Jadual 2 menunjukkan senarai nama IPTA dan nama program komunikasi.

**JADUAL 2 SENARAI PUSAT PENGAJIAN DAN FAKULTI KOMUNIKASI DI IPTA, MALAYSIA**

<b>BIL</b>	<b>UNIVERSITI</b>	<b>KAJIAN / FAKULTI</b>
1.	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media
2.	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	Jabatan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
3.	Universiti Malaya (UM)	Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial
4.	Universiti Putra Malaysia (UPM)	Jabatan Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
5.	Universiti Sains Malaysia (USM)	Sekolah Program Komunikasi, Fakulti Sains Sosial
6.	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	Jabatan Komunikasi, Kulliyah Pengetahuan Berteraskan Wahyu dan Sains Kemanusiaan
7.	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	Program Pengajian Komunikasi, Fakulti Sains Sosial
8.	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	Program Komunikasi, Sekolah Sains Sosial
9.	Universiti Utara Malaysia (UUM)	Program Komunikasi, Sekolah Pembangunan Sosial

## Pemetaan Program Mengikut Keperluan

### Struktur Program

IPTA di Malaysia menawarkan pengajian komunikasi pada peringkat sijil, diploma, ijazah, sarjana dan Phd. Terdapat perbezaan di antara satu universiti dengan universiti yang lain dari segi struktur programnya (Sila rujuk kepada Jadual 3 - Jadual 6 dalam Lampiran).

### Kerangka Teori

Penyelidikan ini secara heuristik berasaskan beberapa teori yang holistik dan berintegrasi. Antaranya ialah:

#### 1. **Rekabentuk Pengajaran Berpusat-Pembelajaran (Learning Centred Instructional Design Theory)**

Penyelidikan yang dijalankan berpandukan teori Rekabentuk Pengajaran Berpusat Pembelajaran. Teori ini menerangkan tujuan dan penekanan pengajaran berasaskan empat kuadran yang diterangkan oleh Bernice Mc Carthy. Berikut adalah empat kuadran berasaskan teori tersebut:

**Rajah 1** REKABENTUK PENGAJARAN BERPUSAT-PEMBELAJARAN (*LEARNING-CENTRED DESIGN*)

<p><b>Kejayaan/Ekspresi/Kemajuan /Pembaharuan</b> <i>(Celebration/Expression/ Improvement/Renewal)</i></p>	<p><b>Manusia/Perhubungan</b> <i>(People/Connections)</i></p>
<p><b>Amalan/Perlaksanaan</b> <i>(Practical/Application)</i></p>	<p><b>Pengetahuan/Pemahaman</b> <i>(Knowledge/Understanding)</i></p>

Sebenarnya teori ini mempunyai persamaan dengan teori-teori Tradisional Pendidikan iaitu teori ini memberitahu tentang empat teori tradisional utama dalam pendidikan. Oleh itu untuk memahami dengan lebih lanjut tentang konsep penyelidikan ini, Teori Tradisional Pendidikan harus didalami.

Rajah 2 TRADISI PENDIDIKAN (*EDUCATIONAL TRADITIONS*)

<b>Sosial Radikal</b> <i>(Radical Social)</i>	<b>Kemanusiaan/Humanistik</b> <i>(Humanistic)</i>
<b>Mekanistik &amp; Teknikal</b> <i>(Mechanistic &amp; Technical)</i>	<b>Tradisional Liberal</b> <i>(Liberal Traditional)</i>

Teori ini yang menggandungi empat kuadran ini dikemukakan oleh Herbert Kleibard(1989). Kleibard, berpendapat bahawa idea yang diterapkan dalam satu kurikulum harus diperolehi dari percampuran teori-teori dan idea-idea. Dengan percantuman ini, ahli teori memperkembangkan kurikulum baru. Oleh itu kurikulum yang mantap harus mengandungi komponen-komponen yang mereka fikir terbaik dari pelbagai teori.

Pembentukan kurikulum untuk program komunikasi IPTA adalah berasaskan empat teori yang diletakkan dalam empat kuadran iaitu:

- i. Teori Sosial Radikal : teori ini mencari jalan untuk mendiik masyarakat tentang perlakuan sosial dan perubahan dalam persekitaran. Menurut Vygotsky (1978), teori sosial berasaskan idea bahawa perkembangan kognitif yang berpotensi terhad kepada jangkamasa tertentu dalam hidup manusia dan perkembangan ini bergantung kepada interaksi social sepenuhnya. Lagi pun kemahiran mudah dipelajari melalui tunjuk ajar daripada orang lain seperti menerusi latihan amali atau menerusi kerjasama dengan rakan sebaya (team-work) berbanding dengan apa yang manusia mempelajari secara individu. Dalam erti kata yang lain, perkembangan kognitif sepenuhnya memerlukan interaksi sosial.
- ii. Teori Kemanusiaan/ Humanistik: teori ini fokus kepada pembangunan manusia dan penekanannya lebih kepada perkembangan personal. Berasaskan teori ini, kurikulum yang dibentuk harus sejajar dengan elemen humanistik iaitu dari segi pengajaran, nilai pegangan graduan, keupayaan graduan, kemahiran graduan yang dituntut oleh pasaran, iaitu dapat membentuk graduan yang serba boleh.
- iii. Teori Mekanistik dan Teknikal: teori ini memusatkan perolehan kemahiran, keakhiran dan perkembangan tenaga kerja yang serba boleh mengikut zaman. Dalam kurikulum untuk program komunikasi di IPTA di bawah perspektif Mekanistik dan Teknikal termasuk pengetahuan untuk menjadi analitikal, kemahiran menggunakan komputer dan multimedia, teknik membuat dianostik dan pengurusan.
- vi. Teori Tradisional Liberal menekankan pengetahuan yang terbaik dan yang paling berguna. Antara pengetahuan yang diselitkan dalam kurikulum ialah: penulisan, bahasa, teknologi, sains sosial dan kemanusiaan dan falsafah.

## Metodologi Kajian

Kajian dimulakan pada bulan Februari 2001. Bagi mencapai matlamat kajian, metodologi yang digunakan untuk pengumpulan maklumat adalah berbentuk kualitatif di mana data sekunder dan data primer telah dirujuk. Data sekunder terdiri daripada maklumat yang disediakan oleh pihak IPTA, manakala data primer pula adalah berasaskan dialog dan perbincangan di antara para akademia universiti awam, industri media dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang dirakamkan secara sistematik. Berikut adalah rangka kerja sebagai garis panduan bagi melaksanakan penyelidikan tersebut:

### Kaedah Pengumpulan Data Sekunder

Kesemua universiti awam tempatan yang menawarkan program komunikasi telah menyediakan satu laporan berkaitan dengan fakulti/program masing-masing yang merangkumi perkara-perkara seperti:

- i. sejarah penubuhan fakulti/program
- ii. misi jabatan
- iii. pengkhususan bidang
- iv. struktur program
- v. enrolmen graduan
- vi. penyediaan tenaga pengajar
- vii. penggunaan teknologi ICT dalam pengajaran
- viii. kesesuaian bidang pengajian dengan perancangan pembangunan negara
- ix. rancangan membangunkan penyelidikan dan pembangunan
- x. cadangan-cadangan untuk halatuju program komunikasi

Pada 19 - 20 Februari 2001, wakil-wakil universiti telah dijemput hadir bagi membentangkan dan membincangkan perkara berhubung dengan universiti masing-masing di Hotel UiTM dalam sesi Dialog Pertama Halatuju Program Komunikasi IPTA.

### Kaedah Pengumpulan Data Primer

Kaedah pengumpulan data adalah menerusi sesi dialog pertama dan sesi dialog kedua. Dalam sesi dialog pertama ini, peserta yang terdiri daripada para akademik dan wakil industri media dan mereka dibahagikan kepada beberapa kumpulan (round table discussion). Fokus utama dialog tersebut menjurus kepada elemen-elemen yang terdapat dalam empat kuadran berasaskan teori Rekabentuk Pengajaran Berpusatkan- Pembelajaran (Learning -Centred Instructional Design) yang diterangkan oleh Bernice McCarthy dalam McNeil (1995) seperti di bawah ini :



**RAJAH 3** PENGUMPULAN DATA MENERUSI DIALOG PERTAMA DARIPADA PARA AKADEMIK MENGIKUT KUADRAN DARI TEORI REKABENTUK PENGAJARAN BERPUSATKAN-PEMBELAJARAN

<p><i>(Kejayaan/Ekspresi/Kemajuan/ Pembaharuan)</i></p> <p><b>Pengajian Komunikasi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• konstituen epistemologi</li> <li>• konstituen politik</li> <li>• sejarah</li> <li>• kaitan dengan sains/disiplin lain</li> <li>• teori dan teknologi dasar</li> </ul>	<p><i>(Manusia/Perhubungan)</i></p> <p><b>Graduan/Industri/Masyarakat</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• pengajaran dan pembelajaran penilaian</li> <li>• kegunaan teknologi.keupayaan graduan</li> <li>• kemahiran</li> <li>• literasi</li> </ul>
<p><i>(Amalan /Perlaksanaan)</i></p> <p><b>Rangka Kurikulum</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• perancangan</li> <li>• pemetaan bidang</li> <li>• program</li> <li>• kursus</li> </ul>	<p><i>(Pengetahuan/ Pemahaman)</i></p> <p><b>Penyelidikan dan Penerbitan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• penyelidikan</li> <li>• penulisan</li> <li>• buku</li> <li>• pusat kecemerlangan</li> <li>• penjanaaan ilmu</li> <li>• kesarjanaan</li> </ul>

Selain daripada itu, kajian menerusi dialog pertama ini juga meneliti program komunikasi yang sedia ada, realiti masa kini, serta matlamat yang akan dicapai selaras dengan perkembangan semasa. Disamping itu perbincangan juga menyentuh keperluan industri dan kesesuaian dengan kursus-kursus yang terdapat di universiti.

Hasil daripada dialog pertama Hala Tuju Program Komunikasi, data dikumpul dan didokumentasikan pada akhir projek tersebut sebagai laporan permulaan.

Dialog kedua telah diadakan di Intekma Resort and Convention Centre, Shah Alam pada 18 - 19 Jun 2001. Dialog tersebut, bertujuan mengenal pasti strategi fakulti / jabatan masing-masing bagi menghadapi cabaran dalam era globalisasi.

Dalam dialog tersebut juga, wakil-wakil industri media dan NGO bersama-sama dengan para akademia telah memberi saranan semasa sesi perbincangan kumpulan (round table discussion). Perbincangan tersebut menjurus kepada keperluan pihak industri, masyarakat dan negara dengan memberi tumpuan kepada campuran empat kuadran berasaskan Teori Tradisi Pendidikan (Educational Traditions) iaitu: Radical Social, Humanist, Technical Mechanistics and Liberal Tradition.

**RAJAH 4** PENGUMPULAN DATA MENERUSI DIALOG KEDUA DARIPADA PARA AKADEMIK DAN INDUSTRI MENGIKUT KUADRAN TEORI TRADISI PENDIDIKAN

<p><i>(Sosial Radikal)</i>  <b>Simbiosis universiti-industri</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• mekanisme kerjasama</li> <li>• penyelidikan dan perundingan</li> <li>• sokongan pengajaran</li> <li>• latihan amali</li> </ul>	<p><i>(Kemanusiaan/Humanistik)</i>  <b>Graduan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• pengajaran dan pembelajaran</li> <li>• penilaian</li> <li>• kegunaan teknologi</li> <li>• keupayaan graduan</li> <li>• kemahiran</li> <li>• literasi</li> <li>• pasaran global</li> </ul>
<p><i>(Mekanistik/Teknikal)</i>  <b>Kemahiran</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• analitikal</li> <li>• komputer</li> <li>• diagnostik</li> <li>• pengurusan</li> <li>• kepimpinan</li> <li>• perundingan</li> <li>• pembelajaran semula</li> <li>• komunikasi</li> <li>• bahasa</li> <li>• logik</li> <li>• kreativiti</li> <li>• berfikir</li> <li>• menungan</li> </ul>	<p><i>(Tradisional Liberal)</i>  <b>Tawaran bidang</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• penulisan</li> <li>• bahasa</li> <li>• teknologi</li> <li>• sains sosial</li> <li>• kemanusiaan</li> <li>• sains</li> <li>• falsafah</li> </ul>

Maklumat-maklumat hasil daripada perbincangan dalam sesi dialog pertama dan kedua tersebut telah secara sistematik diproses dan dianalisis untuk dilaporkan dengan lebih komprehensif.

## Penganalisaan Data

### Cabaran

Berdasarkan kepada penganalisaan data menerusi dialog di antara para akademik dan pihak industri, penyelidik dapat mengenal pasti cabaran-cabaran yang mampu menggugat keberkesanan pelaksanaan program komunikasi di IPTA. Berikut adalah cabaran-cabaran yang telah dikenal pasti:

### Pengajian Komunikasi

1. **Kurang Penekanan Terhadap Latihan Amali**  
Penekanan terhadap latihan amali kurang iaitu hanya dua bulan.
2. **Kecekapan Bahasa**  
Ketidakcekapan graduan menggunakan bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu
3. **Kepelbagaian Kemahiran.**  
Selain daripada itu profesion dalam bidang komunikasi juga memerlukan graduan yang mempunyai pelbagai kemahiran multiskilled).
4. **Peluang Pekerjaan Graduan Komunikasi**  
Kecenderung pihak industri mengambil graduan daripada disiplin lain.
5. **Kelayakan Graduan untuk Pasaran Kerja**  
Sektor swasta menawarkan kerja kepada graduan-graduan komunikasi berasaskan kelayakan dan juga mengambil kira kebolehan dan pengalaman.
6. **Kekuatan / Kelemahan Graduan IPTA**  
Pihak industri mendapati graduan komunikasi yang dihasilkan oleh universiti awam tempatan mempunyai kelebihan (niche) masing-masing.
7. **Pendedahan Industri Kepada Pensyarah**  
Dari segi pemantapan pengajaran, para pensyarah memerlukan pendedahan kepada industri dan pengetahuan praktikal.

### Rangka Kurikulum

1. **Pemetaan Semula Bidang Pengajian Komunikasi**  
Berdasarkan Kekuatan Universiti Masing-Masing. Setiap IPTA yang menawarkan pengajian komunikasi cuba mengelak dari mengikut jurusan yang sama.
2. **Merangka Kurikulum Komunikasi**  
Kurikulum pengajian komunikasi telah semakin ketinggalann zaman dan tidak lagi sesuai dengan keadaan semasa dan perkembangan teknologi terkini.
3. **Penawaran Bidang Pengajian dan Minat Pelajar**  
Penawaran bidang pengajian harus menepati minat pelajar.

## Penyelidikan dan Penerbitan

### 1. Keperluan Penyelidikan dan Penerbitan

- i. Dalam persoalan penyelidikan dan penerbitan, kerjasama antara universiti dan pihak industri untuk menjalankan penyelidikan pemasaran dan penyelidikan teoritis harus diwujudkan.
- ii. Ketiadaan satu pusat sumber yang bersepadu dan boleh memberi akses rujukan kepada ahli akademik.
- iii. Kecenderungan para akademik menggunakan hasil penyelidikan dan penerbitan luar, terutama dari negara-negara Barat.

## Graduan dan Masyarakat

### 1. Ketiadaan Badan Pemantau dan Ketidakhadiran Penilaian Luar

Universiti-universiti swasta dipantau oleh LAN. Sebaliknya, bagi IPTA, tiada badan khusus termasuk pihak penilai luar untuk memantau terutamanya bagi program komunikasi.

### 2. Graduan Keluaran IPTA Kurang Kemahiran

Inovasi dalam teknologi media yang berkembang dengan pesat menyebabkan para pensyarah IPTA kadang kala terkebelakang dalam mengikut perkembangan terbaru.

### 3. Pengajian yang Begitu 'Rigid' dan Persoalan ICT

- i. Program pengajian komunikasi yang fleksibel dan mampu bersaing perlu diadakan.
- ii. Universiti-universiti tempatan kadang-kala menawarkan program yang bertindih tanpa mengkaji tentang keperluan pasaran.

### 4. Kelengkapan dan Peralatan

Arus perkembangan teknologi yang pesat dan sentiasa berubah-ubah memberi kesan kepada penyediaan infrastruktur terkini bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran.

### 5. Latihan Kakitangan Akademik

- i. Pensyarah baru yang tidak mempunyai pengalaman kerja yang sesuai dengan bidang kepakaran akademik akan menghadapi masalah mengajar. Begitu juga bagi pensyarah yang telah lama berkhidmat, yang perlu mendedahkan diri dengan pengetahuan terkini tentang amalan industri.
- ii. Pensyarah dalam bidang komunikasi memberi contoh dari perspektif Barat kerana mereka tidak mempunyai pengalaman atau pengetahuan sejarah menurut perspektif tempatan

### 6. Pelajar Berpengetahuan Sempit

- i. Skop kandungan kursus yang terlalu sempit.
- ii. Para lulusan yang dilahirkan juga kurang mengetahui dan menghayati wawasan serta aspirasi negara.

**7. Pelajar IPTA Kurang Ketrampilan Diri**

Terdapat kursus-kursus yang ditawarkan yang tidak memberi penekanan untuk meningkatkan diri serta membina kematangan para pelajar.

**8. Pendedahan Mengenai Kepentingan Media di Peringkat Sekolah**

Belum lagi wujud usaha-usaha pendedahan mengenai kepentingan komunikasi dan peranan media kepada pelajar-pelajar di peringkat sekolah menengah.

**9. Simbiosis Universiti - Industri**

- i. Kedua-dua pihak universiti dan industri dilihat mempunyai hubungan yang longgar dan amat minimum.
- ii. Pada dasarnya kekurangan perbincangan dan kata putus diantara industri dan IPTA mengakibatkan program pendidikan yang bakal dilaksanakan tidak sejajar dengan falsafah pendidikan negara dan keperluan semasa.

**Cadangan dan Pelan Tindakan**

Untuk menangani cabaran-cabaran yang dikenalpasti mampu menggugat keberkesanan pelaksanaan program komunikasi di IPTA, para akademik dan industri telah menghasilkan beberapa cadangan. Cadangan-cadangan tersebut dibahagikan kepada empat kuadran, iaitu Pengajian Komunikasi, Rangka Kurikulum, Penyelidikan & Penerbitan, dan Graduan, Industri & Masyarakat. Berikut adalah cadangan-cadangan tersebut mengikut kuadran:

**Pengajian Komunikasi****1. Pemetaan Bidang Pengajian Komunikasi**

- i. Bidang berkaitan komunikasi massa (mass communication) perlu meliputi bidang kewartawanan, penyiaran, penerbitan dan periklanan.
- ii. Manakala bidang komunikasi manusia (human communication) meliputi komunikasi antara budaya, komunikasi politik dan komunikasi intrapersonal.
- iii. Bidang pengurusan komunikasi (communication management) pula meliputi perhubungan awam, komunikasi korporat, komunikasi perniagaan (business communication), komunikasi strategik (strategic communication), komunikasi keorganisasian (organisational communication) dan komunikasi antarabangsa.
- iv. Bidang teknologi komunikasi maklumat (ICT) meliputi multimedia dan 'webcasting.' Ianya lebih menjurus kepada gabungan bidang komunikasi dan teknologi maklumat.

**2. Tempoh Pengajian**

Tempoh pengajian yang singkat dan kandungan program yang tidak mantap perlu diberi perhatian untuk melahirkan graduan yang serba boleh. Antara sasaran yang diutarakan adalah:

- i. Tempoh pengajian dipanjangkan kepada 4 tahun (lapan semester).
- ii. Menghadkan kepada 120 jam kredit.
- iii. Penekanan kepada pemahaman dan penguasaan bahasa bermula daripada tahun pertama terutama bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu.

### 3. Struktur Komposisi Serta Skop Pengajian Perlu Dipertingkatkan.

Dalam era globalisasi graduan yang dihasilkan harus berdaya saing. Cadangannya:

- i. Harus diberi keutamaan bagi mengkaji segala isu penting berhubung dengan bidang komunikasi.
- ii. Struktur komposisi dan skop pengajian di pelbagai peringkat pengajian komunikasi juga dilihat dapat menyediakan graduan dengan kemahiran yang diperlukan selari dengan peringkat pengajian diploma, ijazah, sarjana dan ijazah kedoktoran.
- iii. Nilai-nilai murni yang hendak diwujudkan dalam diri graduan komunikasi perlu kepada suatu landasan yang selari dengan Falsafah Pendidikan Negara.
- iv. Institut pengajian tinggi juga harus memastikan bidang pengajian pilihan dalam komunikasi haruslah fleksibel.
- v. Gabungan serta percantuman beberapa bidang dapat memberi pilihan yang lebih luas kepada para graduan

### 4. Kelengkapan dan Peralatan

- i. Menyediakan lebih banyak kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).
- ii. Menyediakan lebih banyak kemudahan media seperti kamera, mesin pengedit, lampu, krain, "CD writer", lazorgraf, perisian komputer, "desktop publishing", "scanner" dan kemudahan internet.

## Rangka Kurikulum

### 1. Merangka Kurikulum Pengajian Komunikasi

- i. Kurikulum komunikasi perlu memenuhi komponen bagi pembangunan intel seperti falsafah, sejarah dan proses pemikiran
- ii. Kurikulum komunikasi perlu diperlengkapkan dengan segala corak latihan praktikal yang diperolehi melalui kerjasama pihak industri dan pembangunan ICT yang lengkap.
- iii. Kurikulum yang dibentuk perlu memacu pasaran (drive the market).
- iv. Menekankan kursus yang boleh membina pemikiran kritikal dan analitikal.

### 2. Penubuhan Satu Badan Pemantauan Kualiti Kurikulum

Satu badan pemantauan yang dapat bekerjasama dengan pemeriksa luar perlu diwujudkan untuk tujuan menilai bagi menjaga kualitinya.

### 3. Kurikulum Berlandaskan Pelbagai Kemahiran

- i. Pengajian komunikasi harus menjuruskan kepada kemahiran konseptual, kemahiran kemanusiaan dan kemahiran teknologi yang terkini bagi menyediakan graduan.
- ii. Pembinaan kemahiran ini perlu diberikan selaras dengan peringkat pengajian.

### 4. Ketidakecakapan Bahasa Inggeris.

Pengajian komunikasi harus menekankan kepada pelajaran 'Communication English'.

## Penyelidikan dan Penerbitan

1. **Ketiadaan Badan Penilai Profesional dalam Bidang Komunikasi dan Majlis Media.** Berasaskan penemuan daripada kajian hala tuju tersebut, pengkaji berpendapat bahawa program Komunikasi di IPTA Malaysia memerlukan badan pemantau yang professional untuk menentukan kualiti program serta bertindak sebagai tempat rujukan bagi menunjukkan arah dan haluan yang sesuai dengan keperluan semasa.
  - i. Menubuhkan Majlis Komunikasi Malaysia (Council of Communication-CCM) iaitu satu badan organisasi bukan kerajaan yang diiktiraf oleh semua badan-badan media di negara ini.
  - ii. CCM akan bertindak memantau penyelidikan, penerbitan, kursus, program dan akreditasi di semua IPTA.
  - iii. CCM juga akan membantu Lembaga Akreditasi Negara (LAN) untuk program komunikasi di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).
  - iv. Pihak industri perlu berkongsi maklumat dan pangkalan data dengan IPTA.
  - v. Manakala industri pula dapat memberi input contohnya dari segi tenaga kerja serta teknologi terbaru yang dipraktikkan.
  - vi. industri perlu sanggup menghulurkan bantuan dari segi kewangan, kepakaran serta teknologi untuk membimbing graduan menerusi latihan praktikal yang dijalani.
  - vii. Pihak universiti serta industri perlu memberi ruang kepada graduan untuk menjalani latihan praktikal sekurang-kurangnya enam bulan hingga satu tahun.

## Graduan, Industri dan Masyarakat

Berikut merupakan cadangan bagi mempertingkatkan kualiti dan kemahiran graduan dari Program Komunikasi IPTA. Selain daripada itu bahagian ini juga mengemukakan beberapa sumbangan dan kerjasama antara IPTA dan pihak industri.

1. **Perhubungan Universiti - Industri**

Saranan berikut perlu diambil kira bagi meningkatkan perhubungan antara pihak universiti dengan pihak industri.

  - i. Menempatkan kakitangan akademik di industri untuk latihan industri (industrial attachment).
  - ii. Pihak industri menganugerah dan mengiktiraf penyelidikan-penyelidikan yang bercorak akademik dan industri.
  - iii. Mendapatkan lebih banyak penceramah daripada industri untuk berkongsi pengalaman di universiti.
  - iv. Melantik "adjunct professor" di kalangan tokoh professional.
  - v. Menggalakkan kakitangan akademik melibatkan diri dalam perundingan industri (industrial consultancy).
  - vi. Mewujudkan panel penasihat industri di universiti. Ini bertujuan meningkatkan

- pencapaian universiti dalam pelbagai bidang selari dengan keperluan industri.
- vii. Membuka keahlian persatuan profesional kepada pensyarah dan pelajar dalam bidang komunikasi.
  - viii. Pensyarah memanfaatkan cuti sabbatical untuk mendapatkan pendedahan industri (industrial attachment) terutamanya bagi kursus-kursus yang memerlukan kemahiran.

## **2. Pemilihan Kursus Berhubung dengan Minat Pelajar**

Untuk menangani masalah ini saranan tentang cara pemilihan kursus perlu diambil kira:

- i. Calon IPTA harus diberi kebebasan membuat pilihan bagi bidang kursus yang ingin mereka pelajari.
- ii. mengelakkan keciciran dalam pelajaran atau mengubah kerjaya atas alasan keterpaksaan memasuki bidang berkenaan.

## **3. Pembinaan Imej Pelajar**

IPTA wajib membentuk kandungan kursus untuk membina keterampilan pelajarannya. Berikut adalah cadangannya bagi melaksanakan hal tersebut:

- i. Menekankan kursus yang boleh meningkatkan keyakinan diri seperti selain daripada Interpersonal Communication dan Public Speaking pihak fakulti juga harus menawarkan kursus 'Image Building'.

## **Kesimpulan**

Semua cadangan dalam kategori Rangka Kurikulum, Penyelidikan dan Penerbitan, serta Graduan, Industri & Masyarakat harus dilaksanakan dengan mantap supaya graduan yang dihasilkan bersedia diterapkan dalam pasaran di era globalisasi ini, dan graduan ini juga sehaluan dengan aspirasi negara.

## **Rujukan**

- Bank, J. (June-July 1993). The canon debate: Knowledge, construction and multicultural education. *Educational Researcher*, 22(2), 4-15.
- Mc Neil, John (1995). *Curriculum; the Teacher's Initiative*. Ohio: Prentice Hall.
- Wertsch, J.V. (1985). *Culture, Communication, Cognition: Vygotskian Perspective* Cambridge University Press